

KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 2

Nama : _____

Darjah : _____

Tarikh : _____

Masa: 1 jam 40 min

Markah
90

BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Burung mempunyai berbagai cara untuk memikat pasangan mereka. Burung merak

jantan (1) _____ bulu ekornya yang

berwarna-warni, panjang dan cantik untuk

(2) _____ perhatian burung merak

betina. Burung simbang jantan pula

mengembang pundi tenggoroknya untuk

(3) _____ yang sama.

Semasa memikat pasangan, banyak

burung (4) _____ tarian yang menarik.

1. (1) berkembang
(2) kembangan
(3) mengembangkan
(4) pengembangan
()

2. (1) menarik
(2) penarik
(3) tarikan
(4) tertarik
()

3. (1) bertujuan
(2) menuju
(3) tertuju
(4) tujuan
()

4. (1) berlaku
(2) kelakuan
(3) melakukan
(4) pelaku
()

Sesetengah sepsis (5) _____

bersama-sama. Bagi sesetengah spesis yang

lain, hanya burung jantan yang menari.

Burung grebe jantan dan betina

(6) _____ dengan satu sama lain,

memanjangkan dan (7) _____ kepala

ke kiri dan ke kanan. Burung ini menarik

(8) _____ satu sama lain dengan

menghadiahkan tumbuhan air yang enak

kepada pasangannya.

Bagi beberapa spesis tertentu, apabila

musim (9) _____ tiba, setiap burung

jantan akan (10) _____ sebuah

wilayah kecil.

5. (1) bertari
(2) menari
(3) penari
(4) tarian ()

6. (1) berhadapan
(2) hadapan
(3) menghadapi
(4) terhadap ()

7. (1) bergerak
(2) digerakkan
(3) menggerakkan
(4) penggerak ()

8. (1) berhati
(2) memperhatikan
(3) pemerhati
(4) perhatian ()

9. (1) berbiak
(2) biakan
(3) membiakkan
(4) pembiakan ()

10. (1) menakluk
(2) taklukan
(3) penakluk
(4) tertakluk ()

BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

"Zali, tolong belikan ibu gula. Adik engkau (11) keras hati betul. Dia tidak mahu pergi!" jerit ibu dari dapur. Zali yang sememangnya (12) ringan tangan itu dengan segera bangun untuk ke kedai.

Di kolong blok, Zali terjumpa jirannya Imran. Zali menyapanya dan bertanyakan khabar. Imran yang (13) berat mulut itu hanya tersenyum dan mengangguk-anggukkan kepalanya.

Setibanya di kedai, Zali mengambil sebungkus gula. Dia mencapai setin minuman ringan untuk membasahkan tekaknya yang kering itu. Kemudian, Zali ke kaunter untuk membayar barang-barang yang diambalnya.

Zali suka melihat gelagat pemilik kedai dan isterinya yang (14) sangat cocok.

11. (1) sangat baik
(2) sangat degil
(3) sangat jahat
(4) sangat marah ()

12. (1) rajin memberikan bantuan
(2) rajin memberikan hadiah
(3) rajin memberikan masa
(4) rajin memberikan wang ()

13. (1) orang yang pemalu
(2) orang yang pemalas
(3) orang yang pendiam
(4) orang yang peramah ()

14. (1) bagai isi dengan kuku
(2) air dicencang tiada putus
(3) bagai dakwat dengan kertas
(4) seperti pahat dengan pemukul ()

Pak Husin, pemilik kedai itu dan isterinya,

Mak Milah (15) hidup saling bekerjasama.

Setelah membuat pembayaran Zali pun berjalan pulang membawa sebungkus gula yang dikehendaki oleh ibunya.

15. (1) bagai aur dengan tebing

- (2) hendak seribu daya
tidak hendak seribu
dalih
- (3) rambut sama hitam, hati
lain-lain
- (4) lembu punya susu, sapi
dapat nama ()

BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Tiga orang terbunuh dan empat lagi cedera parah dalam dua kejadian kemalangan yang (16)_____ di Teck Whye Lane dan Woodlands awal pagi tadi dan petang semalam.

Kejadian pertama (17)_____ seorang pemandu kereta dan penumpangnya terbunuh dan seorang pemandu van cedera apabila kedua-dua kenderaan tersebut (18)_____ dari arah yang bertentangan di Teck Whye Lane. Kejadian itu berlaku pada jam 4.30 pagi tadi.

16. (1) bersamaan
(2) beturutan
(3) berasingan
(4) berlawanan ()

17. (1) menyebabkan
(2) menentukan
(3) menjadikan
(4) menghasilkan ()

18. (1) melintang
(2) mendatang
(3) berlanggar
(4) bertembung ()

Menurut jurucakap polis, mangsa yang dikenali sebagai Ramalingam, 30 tahun, dan Arun, 37 tahun, mati di tempat kejadian. Manakala pemandu van tersebut, Tan Teck Lam, 25 tahun, dikejarkan ke Hospital Tan Tock Seng kerana cedera parah.

Sementara itu, dalam satu kejadian lain, seorang kanak-kanak terbunuh dan tiga orang anggota keluarganya yang lain cedera parah (19)_____ kereta yang mereka naiki terbabas lalu merempuh perhentian bas di tepi jalan Woodlands Ave 5.

Dalam kejadian yang berlaku pada jam 6 petang itu, Danial Lee, 8 tahun, yang duduk di bahagian hadapan, mati di tempat kejadian kerana cedera parah di bahagian kepala. Mangsa lain yang cedera ialah Joseph Lee, 39 tahun, Alice Chan, 38 tahun dan Felicia Lee, 10 tahun. (20)_____ mangsa yang tercedera mahupun yang terbunuh, dikejarkan ke hospital.

19. (1) jika
(2) kerana
(3) apabila
(4) sementara ()

20. (1) Setiap
(2) Kesemua
(3) Seorang
(4) Banyak ()

BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)

Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Cuaca hangat pada malam itu. Roy tidak dapat **melelapkan** mata. Dia memusingkan badannya ke kanan dan ke kiri sambil memikirkan tentang berbagai-bagai perkara. Dia cuba untuk menutup matanya rapat-rapat tetapi dia tidak berjaya melelapkan matanya. Akhirnya Roy bangun dan pergi ke dapur untuk minum air.

Sebaik sahaja dia tiba di pintu dapur, Roy ternampak tingkap dapurnya terbuka luas sedangkan dia pasti yang dia telah menutupnya sebelum masuk ke dalam biliknya tadi. Dengan serta-merta badan Roy menjadi seram sejuk dan dia mula merasa gementar kerana ahli keluarganya yang lain sudah pun dibuai mimpi. Walau bagaimanapun, Roy menguatkan semangatnya untuk pergi menutup jendela itu dengan segera.

Sedang dia menutup jendela itu, tiba-tiba dia terdengar bunyi benda jatuh di bahagian belakang dapurnya itu. Jantungnya berdebar dengan **kencang** terutama sekali apabila dia terlihat sesuatu seperti bayang-bayang manusia.

Roy cuba memekik tetapi suaranya tidak kedengaran. Dia berlari ke bilik ibu bapanya dan mengetuk pintu mereka dengan kuat. Apabila dia menceritakan apa yang telah berlaku, bapanya mengambil sebatang tongkat dan pergi menyiasat di dapur. Rupa-rupanya seekor kucing sedang mengejar seekor tikus dan telah menjatuhkan barang tadi. Mereka pun tertawa kerana peristiwa itu sangat lucu.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Mengapakah Roy tidak dapat tidur?
- (1) Roy haus.
 - (2) Roy ketakutan.
 - (3) Roy banyak berfikir.
 - (4) Cuaca malam itu hangat. ()
22. Bagaimana perasaan Roy apabila melihat tingkap dapurnya terbuka?
- (1) Roy berasa mengantuk.
 - (2) Roy berasa semangatnya kuat.
 - (3) Roy berasa seram sejuk dan gementar.
 - (4) Roy berasa jantungnya berdebar dengan kencang. ()
23. Makna **melelapkan** dalam petikan bermaksud _____.
- (1) terlena
 - (2) nyenyak
 - (3) menidurkan
 - (4) membangunkan ()
24. Perkataan yang berlawanan dengan perkataan **kencang** ialah _____.
- (1) lesu
 - (2) lembik
 - (3) lembut
 - (4) perlahan ()
25. Bapa Roy membawa sebatang tongkat bersamanya kerana beliau _____.
- (1) mahu memukul kucing itu
 - (2) mahu memukul tikus itu
 - (3) menyangka ada seorang penceroboh
 - (4) menyangka ada seekor kucing ()

BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) rasa bersalah
- (2) kami semua akan jaga kau
- (3) kalau kita ditangkap bagaimana
- (4) apa yang engkau hendak aku buat
- (5) tentu akan kecewa kalau mereka tahu aku mencuri
- (6) caranya untuk engkau mendapatkan duit yang lebih

Malik: Kau hendak ikut kami esok?

Ridwan: Aku takutlah. Aku tak biasa buat kerja ini. (26)_____?

Malik: Apa yang kau takutkan?
Kami semua ada. (27)_____.
Engkau ikut sahaja apa yang kami buat.

Ridwan: Aku tidak mahu mengecewakan kedua ibu bapa aku.
Mereka (28)_____.

Malik: Engkau yang beritahu kami yang engkau selalu tidak cukup duit.
Ini (29)_____.

Ridwan: Aku tidak mahu membuat perkara yang menyalahi undang-undang.
Biarlah aku susah, asalkan aku tidak membuat sesuatu yang salah
dan akan mengecewakan ibu bapa aku.

BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)

Teliti brosur yang berikut.

Syarikat Pelancongan **QURNIA**

Syarikat kami menawarkan perkhidmatan pelancongan yang menarik dengan harga yang **berpatutan dan terendah!**

Pakej A:
Melancong bersama kumpulan popular Sleem!

7 Hari Turkey/Maghribi \$1800

8 Disember – 14 Disember

Pakej B:
Melancong bersama pelakon popular Haron Azmi!

8 Hari *New Zealand \$1900

21 Disember – 28 Disember

*Makanan halal disediakan

Bayar secara ansuran selama 12 bulan untuk pakej A dan B!



TAWARAN ISTIMEWA CUTI SEKOLAH!

	
3 hari Tioman	\$280
3 hari Redang	\$300
	
5 hari Kelantan/Terengganu	\$300
5 hari Bangkok/Chiangmai	\$450
	
9 hari Gold Coast/Perth	\$1500
9 hari Dubai	\$1700

**Bagi setiap 50 pelanggan pertama untuk setiap destinasi, nikmati diskaun 20%!
Cepat tempah sekarang!**

Sila hubungi Cik Reela di talian 62397583 untuk keterangan lanjut mengenai Pakej A & B atau Encik Fadil di talian 64364889 untuk keterangan lanjut mengenai Pakej Cuti Sekolah.

Syarikat Pelancongan Qurnia
No. 2 Jalan Ubi Kayu
Tel: 64368989, Faks: 64365454

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. Para pelanggan dapat menikmati diskaun jika mereka membuat tempahan melancong ke _____. (2 markah)
- (1) Turkey (2) Maghribi
(3) Gold Coast (4) New Zealand ()
31. Tujuan membenarkan para pelanggan membayar secara ansuran adalah untuk _____. (2 markah)
- (1) memajukan syarikat pelancongan itu
(2) mengiklankan syarikat pelancongan itu
(3) mengembangkan syarikat pelancongan itu
(4) menggalakkan orang ramai melancong bersama syarikat pelancongan itu ()
32. Jika para pelanggan mahu mengetahui lebih lanjut tentang pakej cuti sekolah, pelanggan bolehlah hubungi talian _____. (2 markah)
- (1) 62397583 (2) 64364889
(3) 64368989 (4) 64365454 ()
33. Para pelanggan akan lebih tertarik untuk memilih Pakej A dan B kerana mereka _____. (2 markah)
- (1) berpeluang melihat keindahan Pulau Tioman
(2) berpeluang melancong bersama artis kesayangan
(3) berpeluang memenangi hadiah dalam cabutan bertuah
(4) berpeluang nikmati diskaun sebanyak lima belas peratus ()
34. Kamu dan rakan sekolah kamu seramai 100 orang murid akan membuat lawatan sambil belajar ke sebuah negara jiran. Berikan dua sebab mengapa guru kamu harus memilih ejen pelancongan Qurnia untuk menguruskan lawatan kamu itu.

Gunakan informasi yang terdapat di dalam brosur di halaman 9 untuk melengkapi saranan kamu di bawah ini. (4 markah)

Saya sarankan agar kita menggunakan khidmat ejen pelancongan Qurnia.

Harganya berpatutan. _____

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Setelah selesai makan, Ani mencuci pakaian dan membersihkan rumahnya seperti yang selalu dilakukannya. Setelah itu dia membuat kerja sekolahnya. Setelah selesai, Ani masuk ke dalam bilik ibunya. Mak Minah sedang menggigil kesejukan di atas katilnya. Ani segera mengambil sehelai selimut yang lusuh untuk mengelimutkan ibunya.

Ani **menatap** wajah ibunya yang sedang tidur lena. Ani bersyukur mempunyai seorang ibu yang baik hati, penyabar, lemah lembut, penyayang dan teguh pegangan agamanya. Pada ibunyalah tempat Ani menumpang kasih dan sayang. Pada ibunyalah tempat Ani berkongsi segala masalah dan kesedihannya. Seekor nyamuk hinggap di pipi Mak Minah. Ani menghalau nyamuk itu dengan mengibas-ngibaskannya perlahan-lahan kerana takut Mak Minah tersedar nanti. Ani mengusap-usap kepala ibunya dan berjanji dalam hatinya:

“Ani berjanji ibu, Ani akan menjaga ibu sebaik-baiknya setelah Ani bekerja nanti. Ani akan belikan ibu pakaian, memberikan ibu makanan yang berzat. Ani akan menjaga ibu apabila ibu uzur dan sakit nanti. Ani berjanji ibu. Ani berjanji.”

Ani membiarkan ibunya terus tidur. Perlahan-lahan dia ke biliknya. Ani duduk di atas katilnya. Matanya belum mengantuk lagi. Dia cuba mengambil kembali buku Sainsnya untuk dibaca tetapi sia-sia. Fikirannya masih melayang-layang. Dia tidak dapat menumpukan perhatiannya kepada apa yang dibacanya. Ani menuju ke tingkapnya yang terbuka luas lalu ditutupnya tingkap tersebut. Kemudian Ani kembali duduk di atas katilnya. Dia termenung lagi dan memikirkan tentang kehidupannya yang susah itu. Tiba-tiba, air matanya mula mengalir.

Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

35. Mengapakah Ani bersyukur mendapat ibu seperti Mak Minah? (2 markah)

36. Apakah janji Ani apabila dia dewasa dan sudah bekerja kelak? (2 markah)

37. Berikan dua bukti yang menunjukkan bahawa Ani adalah seorang anak yang baik dan rajin. (4 markah)

38. Ani amat menyayangi ibunya. Nyatakan dua kelakuan Ani yang menunjukkan ini. (4 markah)

39. Ani tidak dapat menumpukan perhatiannya pada buku yang dibacanya. Mengapa? (4 markah)

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) kesejukan (1 markah)

(ii) tatap (1 markah)

(b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(i) perasaan sayu dan pilu - _____ (1 markah)

(ii) menggosok perlahan-lahan - _____ (1 markah)